



***SUMBANGAN KURSUS ETIKA DALAM PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU
BAKAL PENGAMAL MEDIA DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM***

ARASWATHY A/P SUBIAMANIAN

FPP 2019 36



**SUMBANGAN KURSUS ETIKA DALAM PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU
BAKAL PENGAMAL MEDIA DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM**

Oleh

SARASWATHY A/P SUBIAMANIAN

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

November 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia

Hak cipta Universiti Putra Malaysia



Abstrak Tesis yang Dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**SUMBANGAN KURSUS ETIKA DALAM PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU
BAKAL PENGAMAL MEDIA DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM**

Oleh

SARASWATHY A/P SUBIAMANIAN

November 2018

Pengerusi : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, Ph.D
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sumbangan ciri-ciri kurikulum kursus etika terhadap pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media. Tingkah laku etika bakal pengamal media dikaji menerusi ukuran dimensi moral penaakulan, emosi, dan tindakan dalam profesjon mereka. Kursus etika pula dilihat berdasarkan empat komponen seperti dinyatakan dalam Model Tyler (1949) iaitu objektif, kandungan, pendekatan, dan pentaksiran. Reka bentuk kajian ini bersifat deskriptif dan menggunakan pendekatan kajian kes yang hanya melibatkan sebuah pengajian tinggi terpilih. Kajian ini mengumpul data melalui pendekatan soal selidik, temu bual dan analisis dokumen. Seramai 120 orang responden temu bual telah dipilih di Universiti Sains Malaysia dan peserta kajian temu bual juga dipilih secara bertujuan. Penganalisan dokumen dijalankan terhadap rangka kursus, objektif kursus, sinopsis, hasil pembelajaran, kaedah penilaian, contoh soalan pentaksiran, jadual kuliah bacaan. Dokumen-dokumen tersebut menjelaskan pendekatan pengajaran, nota kuliah serta kepakaran tenaga pengajar bagi mengkaji secara lanjut ciri-ciri kurikulum kursus etika yang menyumbang kepada pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media. Data analisis dokumen menunjukkan bahawa ciri-ciri kurikulum kursus etika dalam program komunikasi dan media di Universiti Sains Malaysia lebih terarah kepada Model Tyler (1949). Berdasarkan perspektif dan pandangan pelajar, didapati bahawa, sumbangan setiap ciri-ciri kurikulum kursus etika terhadap pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media adalah tinggi ($Min=3.12$, $SP=0.72$). Sumbangan ciri-ciri kurikulum pentaksiran dan kandungan kursus etika adalah tertinggi ($Min=3.17$) berbanding yang lain. Manakala sumbangan ciri-ciri kurikulum kursus etika adalah tinggi dalam pembentukan tingkah laku etika saksama oleh bakal pengamal media pula mencatatkan ($Min=3.13$, $SP=0.73$). Corak sumbangan ciri-ciri kurikulum kursus etika terhadap pembentukan tingkah laku etika adalah pelbagai seperti tinggi, sederhana dan rendah. Corak kepelbagaiannya sumbangan ini menyumbang kepada kepekaaan terhadap penulisan dan pemaparan etika menerusi kesedaran tentang tanggungjawab pengamal media. Antara ciri-ciri sumbangan pelbagai aspek kurikulum kursus etika berkenaan pembentukan tingkah laku etika ialah, kaitan objektif dengan

pembelajaran, penterjemahan etika profesi, huraian etika profesi yang mendalam, kepelbagaian bahan bantu mengajar, serta pentaksiran secara analisis. Melalui hasil kajian ini, pencapaian serta kelemahan ciri-ciri kurikulum kursus etika dalam program komunikasi dan media di Universiti Sains Malaysia dapat ditentukan serta diperbaiki pada masa akan datang.



Abstract of thesis presented to the senate of university Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the degree of Master of Science

**CONTRIBUTIONS OF ETHICS COURSE IN A MEDIA STUDY PROGRAM
TOWARDS THE FORMATION OF ETHICAL BEHAVIOUR OF MEDIA
PRACTITIONERS IN A PUBLIC UNIVERSITY**

By

SARASWATHY A/P SUBIAMANIAN

November 2018

Chairman : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD
Faculty : Educational Studies

The purpose of the research is to study the contributions of curriculum criteria of ethics course towards the formation of ethical behaviour of media practitioners. The ethical behaviour of media practitioners are referring to the moral dimensions of reasoning, emotions, and actions in their profession. Ethics course is seen based on four components which stated in Tyler Model (1949) that consist of objective, content, approach, assessment. The research design is descriptive that used a study case approach which only involved one higher institution that was chosen for a reason. The research collects data through the approach of questionnaires, interviews and document analysis. There were 120 respondents chosen with purpose at University Sains Malaysia. Also, the interviewing participants were chosen with a purpose. A document analysis was held against course framework, course objective, synopsis, learning outcomes, evaluation method, examples of assessment questions, reading schedule, document explaining learning approach, hand notes, and experts of trainers to explain the curriculum criteria of ethics course that contributed to the formation of BPM ethics behaviour. Document analysis data showed that the curriculum criteria of ethics course that contributed to the formation of media practitioners ethics behaviour is more directed to Tyler Model (1949). The comparison of min score and standard deviation score is high (Min=3.12, SD=0.72). The standard deviation score showed the data is widely spread with each other as much as +0.72 from min. Contributions in the curriculum criteria and course content is high (Min=3.17). While the value for score deviation is different which is 0.70 and 0.72. Next, it is followed by objective (Min=3.10, 0.70), approach (Min=3.09, SD=0.74). From the moral dimensional perspective, contributions in the curriculum criteria against behaviour is high (Min=3.13, SD=0.72). After that, it is followed by consideration (Min=3.13, SD=0.73), moral results (Min=3.10, SD=0.73). Contributions in the curriculum criteria is high in the formation of fair ethical behaviour by the media practitioners (Min=3.13, SD=0.73). The pattern of contributions in the curriculum criteria against the formation of ethics behaviour is “diversity pattern of ethical course contributions”. There are many contributions in the curriculum criteria against BPM ethics behaviour such as high,

average and low. Diversity patterns of contributions also contribute the future media practitioners on writing and ethical presentation by giving awareness about the responsibilities of media practitioners. Among the features of various aspects of the ethics course curriculum that is regarding the behaviour formation is the objective relevance with learning, professional ethics translation, in depth description of ethical profession, various learning aid tools, and assessment type analysis.



PENGHARGAAN

Terima kasih kepada tuhan kerana telah memberi kekuatan, semangat dan kematangan fikiran kepada saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terimah kasih kepada penyelia saya Dr.Nur Surayyah Madhubala untuk bimbingan dan sokongan beliau sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupakan juga Dr.Umi Kalthom Abdul Manaf yang sentiasa memberikan semangat kepada saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Universiti Putra Malaysia yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya menyiapkan penulisan ini.

Saya juga turut merakamkan ribuan terima kasih kepada bakal pengamal media yang terlibat dan juga pensyarah Universiti Sains Malaysia. Penghargaan juga ditujukan kepada ibu bapa saya Subiamanian dan Malathi dan semua ahli keluarga saya yang sentiasa memberikan motivasi dalam menyiapkan tesis ini. Selain itu, ingin mengucapkan terima kasih kepada En.Jaya Kumar supaya membantu mengumpul data kajian di USM dan sentiasa memberikan semangat dengan kata-kata positif. Penghargaan khas diberikan kepada kakak saya Vikneswari a/p Subiamanian supaya sentiasa berada disisi saya sebagai sokongan moral dan inspirasi.

Akhir sekali saya ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga jasa baik anda dibalas oleh tuhan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Umi Kalthom Abdul Manaf, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Censelor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra malysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Saraswathy a/p Subiamanian / GS40409

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|-----------------------------|---------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN 1 | vi |
| PENGESAHAN 2 | vii |
| PERAKUAN | viii |
| KANDUNGAN | x |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI GAMBAR RAJAH | xv |
| SENARAI SINGKATAN | xvi |

BAB

| | |
|--|----|
| 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang | 2 |
| 1.2.1 Profesion | 2 |
| 1.2.2 Profesional | 4 |
| 1.2.3 Etika | 5 |
| 1.2.4 Tingkah laku etika bakal profesional | 5 |
| 1.2.5 Masalah etika dalam profesion komunikasi dan media | 5 |
| 1.2.6 Undang-undang komunikasi dan media | 7 |
| 1.2.7 Kursus Etika | 8 |
| 1.2.8 Ciri-ciri profesional berpendidikan etika | 10 |
| 1.3 Pernyataan masalah | 11 |
| 1.4 Objektif Kajian | 13 |
| 1.5 Persoalan kajian | 13 |
| 1.6 Kepentingan kajian | 13 |
| 1.7 Definisi operasional | 14 |
| 1.7.1 Kursus Etika | 14 |
| 1.7.2 Tingkah Laku Etika Bakal Profesional | 15 |
| 1.7.3 Bakal pengamal media | 16 |
| 1.8 Batasan Kajian | 16 |
| 1.9 Cara menganalisis data | 18 |
| 1.10 Rumusan Bab | 18 |
| 2 SOROTAN LITERATUR | 19 |
| 2.1 Kajian-kajian lepas | 19 |
| 2.1.1 Kepentingan pendidikan terhadap bakal profesional | 19 |
| 2.1.2 Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Etika terhadap Pembentukan Tingkah Laku Etika dalam Pelbagai Bidang Pengajaran di Pengajian Tinggi | 22 |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 2.1.3 | Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika Dalam Pembentukan Tingkah Laku Etika BPM | 25 |
| 2.1.4 | Keadaan Pendidikan Etika Dalam Program Komunikasi Media di Pengajian Tinggi | 27 |
| 2.1.5 | Keperluan Pengamal Media di Organisasi Komunikasi Media | 30 |
| 2.1.6 | Kurikulum Kursus Etika Di Pengajian Tinggi Dalam Bidang Pengajian Komunikasi Dan Media | 35 |
| 2.2 | Rumusan Kajian Lepas | 35 |
| 2.3 | Teori tentang Pendidikan Etika dan Teori yang Berhubung dengan Tingkah Laku Etika Profesional | 36 |
| 2.3.1 | Teori Kebertanggungjawaban Sosial | 37 |
| 2.3.2 | Teori Perkembangan Kurikulum | 37 |
| | 2.3.2.1 Model Kurikulum Tyler (1949) | 38 |
| 2.3.3 | Model Rest | 44 |
| 2.4 | Kerangka Teoretikal | 45 |
| 2.5 | Kerangka Konseptual | 47 |
| 2.6 | Rumusan Bab | 48 |
| 3 | METODOLOGI | 49 |
| 3.1 | Reka Bentuk Penyelidikan | 49 |
| 3.2 | Populasi dan Sampel Kajian | 50 |
| 3.2.1 | Populasi Kajian | 50 |
| 3.2.2 | Sampel Kajian | 50 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 51 |
| 3.4 | Kaedah Pengumpulan Data | 51 |
| 3.4.1 | Soal Selidik | 52 |
| | 3.4.1.1 Prosedur Pengumpulan Data Soal Selidik | 52 |
| 3.4.2 | Temu Bual | 53 |
| | 3.4.2.1 Protokol Temu Bual | 53 |
| | 3.4.2.2 Prosedur Pendokumentasi Temu bual | 53 |
| | 3.4.2.3 Kemahiran Menemu Bual | 54 |
| | 3.4.2.4 Mengelak Sikap Bias Penyelidik | 54 |
| 3.4.3 | Analisis Dokumen | 55 |
| | 3.4.3.1 Prosedur Analisis Dokumen | 56 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 56 |
| 3.5.1 | Soal Selidik | 56 |
| 3.5.2 | Protokol Temu Bual | 58 |
| 3.5.3 | Senarai Semak Analisis Dokumen | 58 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 59 |
| 3.6.1 | Kesahan | 60 |
| 3.6.2 | Kebolehpercayaan | 61 |
| 3.7 | Analisis Data | 62 |
| 3.7.1 | Soal Selidik | 62 |
| 3.7.2 | Temu Bual dan Dokumen Analisis | 64 |
| | 3.7.2.1 Proses Pembentukan Tema dan Kategori | 64 |
| 3.8 | Etika Penyelidikan | 65 |
| 3.9 | Proses Menjalankan Kajian | 66 |
| 3.10 | Rumusan Bab | 67 |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 4 | DAPATAN KAJIAN | 68 |
| 4.1 | pendahuluan | 68 |
| 4.2 | Latar Belakang Kursus Etika | 68 |
| 4.3 | Demografi Responden Kajian | 69 |
| 4.4 | Latar Belakang Peserta | 69 |
| 4.5 | Dapatkan Kajian Ciri-Ciri Kurikulum kursus etika | 76 |
| 4.5.1 | Objektif Kajian | 70 |
| 4.5.1.1 | Kesempurnaan | 70 |
| 4.5.1.2 | Kejelasan | 71 |
| 4.5.1.3 | Harmoni | 71 |
| 4.5.1.4 | Pragmatik | 72 |
| 4.5.1.5 | Perbincangan Objektif Kurikulum Kursus etika | 73 |
| 4.5.2 | Kandungan Kursus Etika | 74 |
| 4.5.2.1 | Topik dan Konsep | 74 |
| 4.5.2.2 | Implikasi Kandungan | 75 |
| 4.5.2.3 | Skop Kandungan Undang-Undang Komunikasi dan Media | 76 |
| 4.5.2.4 | Susunan Kandungan | 76 |
| 4.5.2.5 | Perbincangan Kandungan Kursus Etika | 77 |
| 4.5.3 | Pendekatan Kursus Etika | 78 |
| 4.5.3.1 | Pendekatan Pengajaran | 79 |
| 4.5.3.2 | Strategi Pengajaran | 79 |
| 4.5.3.3 | Alat Bantu Mengajar | 80 |
| 4.5.3.4 | Teknik Pengajaran | 80 |
| 4.5.3.5 | Kepakaran Tenaga Pengajar | 81 |
| 4.5.3.6 | Perbincangan Pendekatan kursus Etika | 82 |
| 4.5.4 | Pentaksiran Kursus Etika | 83 |
| 4.5.4.1 | Perbincangan Pentaksiran Kursus Etika | 84 |
| 4.6 | Analisis | 84 |
| 4.6.1 | Analisis Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum kursus Etika dalam Pembentukan Tingkah laku Etika | 85 |
| 4.7 | Perbincangan Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika dalam Pembentukan Tingkah lku Etika BPM | 92 |
| 4.8 | Dapatkan Corak Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika Dan Ciri-Ciri Sumbangan Pelbagai Aspek Kurikulum Kursus Etika Mengenai Pembentukan Tingkah Laku Etika BPM | 94 |
| 4.8.1 | Corak Kepelbagai Kursus Etika | 94 |
| 4.8.2 | Perbincangan Corak Kepelbagai Kursus Etika | 96 |
| 4.8.3 | Dapatkan Ciri-Ciri Sumbangan Pelbagai aspek Kurikulum Mengenai Pembentukan Tingkah Laku Etika BPM | 97 |
| 4.8.3.1 | Kaitkan Objektif dengan Pembelajaran | 97 |
| 4.8.3.2 | Penterjemahan Etika Profesional | 98 |
| 4.8.3.3 | Huraian Etika Profesional yang Mendalam | 98 |
| 4.8.3.4 | Kepelbagai Bahan Bantu Mengajar | 99 |
| 4.8.3.5 | Pentaksiran secara Menganalisis | 99 |
| 4.8.4 | Perbincangan Ciri-Ciri Sumbangan Pelbagai aspek | 100 |
| 4.9 | Rumusan Bab | 102 |

| | | |
|----------|--|-----|
| 5 | KESIMPULAN, IMPLIKASI, CADANGAN | 103 |
| 5.1 | Pengenalan | 103 |
| 5.2 | Kesimpulan Dapatan | 103 |
| 5.3 | Implikasi Kajian | 105 |
| 5.3.1 | Implikasi Teoretikal | 105 |
| 5.3.2 | Implikasi terhadap Pendidikan Etika | 106 |
| 5.4 | Cadangan Kajian akan datang | 106 |
| 5.5 | Rumusan Bab | 107 |
| | RUJUKAN | 108 |
| | LAMPIRAN | 123 |
| | BIODATA PELAJAR | 129 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | Halaman |
|--|----------------|
| 1.1 Aspek-aspek Objektif Kursus Etika | 8 |
| 1.2 Aspek-aspek Kandungan Kursus Etika | 9 |
| 1.3 Aspek-aspek Pendekatan Kursus Etika | 9 |
| 1.4 Aspek-aspek Pentaksiran Kursus Etika | 10 |
| 2.1 Pendekatan Pengajaran | 39 |
| 2.2 Strategi Pengajaran | 40 |
| 2.3 Kaedah dan Teknik Pengajaran | 41 |
| 2.4 Empat Komponen Penaakulan Moral Rest (1986) | 43. |
| 3.1 Bahagian dan Konstruk Soal Selidik | 57 |
| 3.2 Komen Panel dan Penambahbaikan Instrumen Kajian | 61 |
| 3.3 Pekali Cronbach Alpha Berserta dengan Petunjuk | 62 |
| 3.4 Nilai Pekali Cronbach | 62 |
| 3.5 Garis Panduan bagi Skor Min | 63 |
| 3.6 Langkah-Langkah Melaksanakan Kajian | 66 |
| 4.1 Demografi Responden | 69 |
| 4.2 Latar Belakang Peserta | 69 |
| 4.3 Senarai undang-Undang yang Diajar dalam PKM | 76 |
| 4.4 Latar Belakang pendidikan dan Pengalaman Pendidik kursus Etika | 81 |
| 4.5 Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika dalam pembentukan Tingkah laku Etika BPM | 86 |
| 4.6 Kesetujuan Responden terhadap Pernyataan dalam Item Objektif Kursus Etika | 86 |
| 4.7 Kesetujuan Responden terhadap Pernyataan dalam Item Kandungan Kursus Etika | 86 |
| 4.8 Kesetujuan Responden terhadap Pernyataan dalam Item Pendekatan Kursus Etika | 87 |
| 4.9 Kesetujuan Responden terhadap Pernyataan dalam Item Pentaksiran Kursus etika | 88 |
| 4.10 Kesetujuan Responden terhadap Pernyataan mengikut Dimensi Moral | 89 |
| 4.11 Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika dalam Pertimbangan Bakal Pengamal Media | 89 |
| 4.12 Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika dalam Keputusan Moral Bakal Pengamal Media | 90 |
| 4.13 Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika dalam Perlakuan Bakal Pengamal Media | 91 |
| 4.14 Sumbangan Ciri-Ciri Kurikulum Kursus Etika mengikut Tingkah Laku Etika Bakal Pengamal Media | 91 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|--------------|------------------------------|----------------|
| 2.1 | Kerangka Teoritikal Kajian 1 | 45 |
| 2.2 | Kerangka Teoritikal Kajian 2 | 46 |
| 2.3 | Kerangka Konseptual | 47 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|---------|---|
| IPT | Institusi Pengajian Tinggi |
| IPTA | Institusi Pengajian Tinggi Awam |
| CSR | <i>Cooperate Social Responsibility</i> |
| USM | Universiti Sains Malaysia |
| KDN | Kementerian Dalam Negeri |
| DPMI | Dasar Pembangunan Modal Insan |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| NGO | <i>Non-Government Organization</i> |
| ASA | <i>Advertising Standard Authority</i> |
| SUHAKAM | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia |
| AEJMC | <i>Association For Education In Journalism And Mass Communication</i> |
| KM | Komunikasi Dan Media |
| BPM | Bakal Pengamal Media |
| PKM | Program Komunikasi Dan Media |
| PT | Pengajian Tinggi |
| COHECS | <i>The Association For Education In Journalism And Mass Communication</i> |
| NUJM | <i>National Union Journalism Malaysia</i> |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1.1 Pengenalan

Pendidikan etika amat penting dalam program komunikasi dan media (KM) di peringkat pengajian tinggi. Hal ini demikian kerana, kursus etika memiliki peranan dalam membentuk tingkah laku etika bakal pengamal media (BPM) melalui pengajaran etika profesion. Dalam hal ini, etika profesion merujuk kepada kod-kod etika dan undang-undang berkaitan komunikasi dan media (Mark & Braun, 2010). Ilmu etika profesion yang dipelajari oleh bakal pengamal media akan memandu pemikiran mereka ke arah kematangan kognitif moral yang terarah kepada “apa yang benar”, “apa yang salah”, “apa yang patut dilakukan”, dan “apa yang tidak patut dilakukan”. Maka dengan ini, ianya dapat mengurangkan masalah etika seperti pengeksplotasian gender, golongan lesbian, dalam profesion komunikasi dan media (Weber, 2012).

Sejajar dengan pendidikan etika pada tahap pengajian tinggi, *National Union of Journalism and Mass Communication, Ministry Of Information And Cultural*, Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan juga *Malaysia Education Blueprint 2015-2025*, menyatakan bahawa, pendidikan etika di peringkat pengajian tinggi perlu melatih bakal pengamal media berfikir dan bertindak secara rasional mengikut etika profesion yang dipelajari untuk mengurangkan masalah etika dalam profesion komunikasi dan media.

Manakala daripada perspektif majikan komunikasi dan media pula mendapat bahawa graduan perlu mempertingkatkan mutu etika profesional pengamal media kerana mereka kurang mahir berfikir secara rasional mengikut etika profesion komunikasi dan media (COHECS, 2010). Seterusnya, kajian oleh *The Association for Education in Journalism and Mass Communication* turut menjelaskan bahawa dimensi ilmu serta latihan yang diberikan melalui kursus etika di pengajian tinggi perlu menyumbang untuk pembentukan tingkah laku etika seperti yang diingini. Malahan, kajian Thomas & Ryan (2011) tentang sumbangan kursus etika kepada pembentukan tingkah laku etika menyatakan bahawa pemahaman asas tentang etika profesion dan pengaplikasianya berada pada tahap sederhana ($\text{min}=2.7$), diikuti oleh kajian Tanner (2014) yang mencatatkan purata min keseluruhan 2.8.

Tahap sederhana sumbangan kursus etika kepada pembentukan tingkah laku etika dalam kajian terkini serta perspektif majikan komunikasi dan media terhadap bakal pengamal media membangkitkan persoalan seperti, adakah tingkah laku etika mereka menyumbang kepada masalah etika dalam profesion komunikasi dan media? Oleh yang demikian, kurikulum kursus etika (yang bertanggungjawab menyumbang kepada pembentuk tingkah laku etika bakal pengamal media di pengajian tinggi dalam program komunikasi

dan media) perlu dikaji dengan tujuan membentuk tingkah laku bakal pengamal media yang beretika.

1.1.2 Latar Belakang

Bahagian ini akan menjelaskan latar belakang kajian sumbangan ciri-ciri kurikulum kursus etika terhadap pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media secara terperinci dari sudut profesion komunikasi dan media, profesional pengamal media, tingkah laku etika pengamal media, undang-undang komunikasi dan media, etika, dan rumusan.

1.2.1 Profesion

Profesion adalah sejenis pekerjaan yang sangat penting. Sejak dahulu hingga sekarang, profesion menjadi unsur utama dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Umumnya, profesion boleh didefinisikan sebagai satu jenis pekerjaan yang memerlukan ilmu pengetahuan dan latihan kepakaran untuk membolehkan ahli profesional menjalankan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pengguna (Shamsudin Ahmad, 2012). Definisi ini jelas menunjukkan bahawa semua pekerja berbayar tidak boleh disebut sebagai profesion. Menurut Evan & Linda (2008), sesuatu pekerjaan hanya boleh dikategorikan sebagai profesion apabila memiliki ciri-ciri seperti berikut:

- i) Ilmu pengetahuan khusus iaitu pekerjaan yang tergolong dalam profesion mestilah memerlukan ilmu pengetahuan yang khusus tentang apa dan bagaimana sesuatu pekerjaan profesional itu dijalankan.
- ii) Latihan intensif iaitu seseorang ahli profesional perlu melalui satu latihan intensif dalam bidang kepakaran yang ingin diceburi.
- iii) Badan/ persatuan profesional bertauliah, iaitu ahli profesional sesuatu bidang kepakaran mestilah mempunyai badan atau persatuan profesional masing-masing.

Terdapat dua lagi ciri yang disyorkan oleh Felt dan Lion (1990) iaitu:

- i) Standard etika iaitu setiap profesion mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu kod etika untuk dijadikan piawai atau garis panduan dalam menjalankan pengamalan kepada masyarakat umum.
- ii) Identiti profesional iaitu ahli profesional perlu membina identiti profesional dengan menjadi ahli berdaftar dengan persatuan profesional dan badan yang menguruskan pendaftaran dan pelesenan.

Berdasarkan penerangan Evan & Linda, Felt dan Lion mengenai ciri-ciri profesion, jelas bahawa pekerja komunikasi dan media dapat dikategorikan sebagai sebuah profesion. Hal ini demikian kerana, pengamal media secara amnya, mendapatkan ilmu pengetahuan tentang profesion mereka di peringkat pengajian tinggi. Meneliti sejarah institusi

pengajian tinggi Malaysia, program komunikasi dan media diperkenalkan di pengajian tinggi sejak tahun 1970-an untuk mengajar ilmu pengetahuan khusus tentang profesi ini dengan latihan intensif tidak kurang dari dua bulan (Agensi Kelayakan Malaysia, 2013). Selain itu, pengamal media juga perlu berdaftar di bawah persatuan profesional *Council for Head of Communication Studies* (COHECS, 2010) disamping mempunyai kod-kod etika periklanan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dalam Negeri (ASA, 2012). Secara ringkasnya dalam konteks ini, pekerja komunikasi dan media secara tidak langsung telah memenuhi semua kriteria yang diperlukan untuk diiktiraf sebagai satu profesi.

Bidang komunikasi dan media merupakan antara bidang terpenting yang membawa kepada perubahan dan pembangunan sosial sesebuah masyarakat. Melalui perkhidmatan yang telah disumbangkan oleh pengamal media, masyarakat dan institusi telah memberi ganjaran sosial dan ekonomi kepada profesi tersebut dalam bentuk status dan pendapatan kewangan yang tinggi. Oleh yang demikian profesi komunikasi dan media perlulah mempunyai satu piawaian moral yang tinggi (Byrne & Reeves, 2010).

Masyarakat berpandangan bahawa profesi komunikasi dan media merupakan pekerjaan yang bersifat alturistik dan sentiasa perlu meningkatkan mutu perkhidmatan demi kesejahteraan masyarakat dan negara (Lee & Byung, 2010). Harapan yang diamanahkan oleh masyarakat perlulah dijaga oleh profesi komunikasi dan media. Profesi komunikasi dan media tidak boleh leka dan melupakan tanggungjawab atas tersebut, serta persoalan apa dan bagaimana tidak boleh mendahului persoalan mengapa (Duez, 2010). Persoalan mengapa pula berkait rapat dengan etika di mana amalan sesuatu profesi perlulah mengikut etika tertentu.

1.2.2 Profesional

Secara umumnya, seseorang ahli profesional perlu mendapatkan ilmu pengetahuan tetang profesi mereka di institusi pengajian tinggi bagi mengiktirafkan diri sebagai ahli profesional. Tanri Beng (2012) dan Mujtahid (2013) menyatakan bahawa pekerja profesional perlu mengikuti latihan intensif. Institusi pengajian tinggi yang menawarkan program komunikasi dan media memberi ilmu pengetahuan khusus tentang profesi dengan latihan intensif sebagai usaha untuk menghasilkan golongan profesional pengamal media (COHECS, 2010). Dalam hal ini, pengamal media dengan jelasnya dapat diterima sebagai ahli profesional berdasarkan nilai-nilai yang diperoleh secara ilmiah dan praktikal seperti yang dinyatakan dalam petikan-petikan sebelumnya.

Selain itu, kajian lain yang menyatakan pengamal media sebagai profesional adalah merujuk kepada tahap “profesionalisme” (Corey, 2010). Dalam konteks ini, profesionalisme merujuk kepada sifat yang harus diamalkan oleh seseorang profesional (Corey, 2010). Perkataan profesionalisme sebenarnya berasal daripada perkataan profesi yang bermaksud, seseorang ahli profesional memerlukan kepandaian khusus untuk menjalankan tanggungjawabnya (Mujtahid, 2013). Merurut COHECS (2010), ilmu

pengetahuan yang diperolehi berkaitan profesion di pengajian tinggi akan membentuk profesionalisme dalam kalangan pengamal media. Maka dalam hal ini, setiap individu yang menggelarkan diri mereka sebagai pengamal media profesional perlu mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang baik ke arah memastikan tahap profesionalisme yang tinggi. Persoalan yang hadir dalam konteks ini adalah, bagaimana untuk menggilap tahap profesionalisme pengamal media? Corey (2010) menjawab hal ini seperti yang berikut,

“Profesionalisme mempunyai beberapa hubungan dengan tingkah laku etika pengamal media”.

Berdasarkan kenyataan tersebut, Corey memperjelaskan bahawa untuk meningkatkan tahap profesionalisme, seseorang pengamal media perlu mengurangkan masalah etika yang berlaku dalam profesiannya. Pengamal media profesional perlu menjaga imej profesi tersebut dengan memelihara tingkah laku agar selaras dengan perundangan piawaian etika profesi komunikasi dan media.

1.2.3 Etika

Etika merupakan peraturan perlakuan atau garis panduan kepada sesuatu tindakan yang betul dan bermoral. Dalam melaksanakan tugas, kod etika penting dijadikan sebagai panduan. Etika ialah bagaimana untuk membina pengaturan diri atau “*self-regulation*”, iaitu kepekaan dan sensitiviti pengamal media terhadap sekitarnya.

Pengamal media seringkali berhadapan dengan krisis etika, ketika dalam proses mengerjakan bahan berita misalnya seperti membesar-besarkan sesuatu yang tidak benar, menceroboh hak peribadi seseorang serta menjatuhkan imej seseorang dengan memaparkan isu-isu kontroversi.

Situasi ini merupakan perkara yang amat bertentangan dengan kod dan nilai etika yang berupaya merencatkan kredibiliti pengamal media. Kod etika merupakan amalan pematuhan yang perlu dipatuhi oleh pengamal media demi menjaga imej pengamal media dalam segenap aspek. Sikap integriti ini penting kepada pengamal media untuk memastikan mutu dan kualiti kerja terjamin dalam membina dunia komunikasi dan media yang bersatu padu, harmoni, bermoral dan beretika.

1.2.4 Tingkah laku etika bakal profesional

Tingkah laku etika seorang profesional merujuk ukuran dimensi moral penaakulan, emosi dan tindakan dalam profesi mereka yang diperhatikan dalam pertimbangan, alasan dan tindakan etika. Hal ini termasuklah pertimbangan, keputusan moral dan perlakuan etika yang terlibat dalam kerja profesional. Ketiga-tiga aspek ini berpandukan kepada prinsip keadilan, altruism dan autonomi (Danana Purkenson Hammer; 2000, Weithorn; 1983, Hayley Callard; 2011, Amal Jamal; 2012; Faridah Ibrahim & Emma Mirza Watie Mohamad; 2005, Faridah Ibrahim; 2010) iaitu:

- a) Keadilan
Keadilan adalah melaksanakan kerja profesional secara saksama, adil.
- b) Alturisme
Alturisme adalah tindakan yang mempunyai ciri-ciri bertujuan untuk kebaikan orang lain dengan mengatasi kepentinga diri sendiri.
- c) Autonomi
Autonomi pula menerangkan konsep pertimbangan bebas dan kebebasan memilih.

Sekiranya pertimbangan dan tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang profesional berlaku akibat paksaan dari luar, keadaan tersebut tidak dapat dikategorikan sebagai tingkah laku beretika. Hal ini kerana, sebarang paksaan yang berlaku kepada seseorang ahli profesional mengakibatkan dirinya tidak berupaya bersikap secara rasional dan adil. Tingkah laku tersebut hanya mematuhi perintah (Faridah Ibrahim & Emma Mirza Watie Mohamad; 2005, Faridah Ibrahim; 2010; Robert, 2014).

1.2.5 Masalah etika dalam profesion komunikasi dan media

Apabila seseorang pengamal media tidak mematuhi etika profesionnya, maka akan wujud pelbagai masalah etika dalam profesi tersebut. Sebagai contoh, permasalahan eksplorasi gender (Juliana Alias, 2013). Sebenarnya, ramai yang tidak menyedari sisi eksplorasi gender yang terdapat dalam media. Wanita seringkali menjadi bahan pelaris produk, demikian juga dengan kaum lelaki turut menerima nasib yang sama apabila tubuh badan mereka dipamerkan seperti barang yang ingin dijual. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya wanita merupakan golongan yang lebih cenderung dieksplorasi.

NGO Malaysia (2012) melaporkan tentang penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dengan menyatakan bahawa stereotaip gender sering ditonjolkan oleh pihak media terutamanya pihak pengiklan. Stereotaip gender dalam konteks ini bermaksud, membentuk satu konsep mengikut sifat, sikap dan perwatakan yang dimiliki oleh perempuan dan lelaki (Powell, 2011). Sebagai contoh, 38% iklan minyak wangi memaparkan imej wanita yang beraksi ghairah dalam majalah Cleo 2014 (Nadirah, 2015). Sebanyak 18.2% pula adalah iklan-iklan alat solekan yang mendedahkan dada wanita dalam majalah Glamour 2013 (Siti Maimunah, 2014). Di Malaysia, baru-baru ini, pengesploritasian wanita turut berlaku apabila salah satu syarikat penerbangan Malaysia

mendedahkan imej punggung wanita menerusi iklan tawaran promosi tiket murah (Malaysia Dateline, 2016; Sinar Harian, 2016).

Iklan yang memperalatkan tubuh badan wanita tanpa mengikuti etika profesi adalah suatu penghinaan walaupun dilakukan secara sukarela atas hak kebebasan individu atau tanpa batasan kerana ianya bukanlah cerminan budaya masyarakat Malaysia (Rubiah, 2013). Setiap agama dan budaya di Malaysia mempunyai nilai murni yang membentuk penganutnya supaya menjadi individu yang mempunyai nilai, maruah dan harga diri. Konsep dan gaya hidup wanita yang diperagakan dalam periklanan sama sekali tidak bersandarkan kepada nilai agama dan budaya local masyarakat Malaysia. Bahkan keadaan ini mampu menjatuhkan maruah dan kedudukan wanita. Dalam hal ini, pengamal media harus memahami bahawa kebebasan media tanpa batasan.

Setiap agama di Malaysia mahupun di seluruh dunia mempunyai nilai murni yang bertujuan membentuk penganutnya supaya menjadi individu yang mempunyai maruah dan harga diri. Fesyen pakaian dan aksi ghairah dalam periklanan yang melibatkan wanita yang terlalu mendedahkan tubuh badan mungkin dianggap sebagai satu kebebasan dan kepuasan wanita dalam bidang periklanan namun hakikatnya keadaan tersebut merupakan suatu eksplorasi gender yang amat kritikal dalam dunia media. Negara yang berbudaya dan beragama biasanya tidak begitu berkompromi dengan pengamal media yang beracuan hedonis tanpa batasan, demikian juga dengan pengamal media yang mementingkan keuntungan daripada keharmonian budaya dan masyarakat. Oleh itu, sejak jauh dengan dasar modal insan dan wawasan 2020, pengamal media seharusnya berusaha ke arah kemajuan luaran dan dalaman yang berkekalan dengan mengikuti etika profesi tanpa mementingkan nilai kebendaan. Hal ini demikian kerana, profesional beretika menjadi teras utama bagi pembangunan dan kesejahteraan negara. Kemajuan kebendaan tanpa mengikuti etika profesi tidak mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan, sebaliknya membawa keburukan (Derek Bok, 2011).

Seterusnya, dalam satu memorandum yang dihantar kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada Jun 2010 (*Memorandum on Ill Representation and Discrimination of the Queer Community in the Media*, 10 Jun 2010), telah membangkitkan beberapa isu tentang tingkah laku etika pengamal media berkaitan dengan golongan LGBT. Memorandum tersebut menyatakan: "Setelah merujuk kepada beberapa iklan berserta artikel yang dikeluarkan oleh akhbar seperti Kosmo (Parti Lesbian Berleluasa) dan Harian Metro (Aksi Panas Pengkid) yang bertarikh 2 dan 16 Mei, mendapati bahawa, perkataan seperti "songsang," "lucah," dan "jijik" digunakan oleh akhbar-akhbar tempatan untuk menggambarkan komuniti tersebut. Perbuatan ini dianggap memperlihatkan tingkah laku pengamal media yang tidak mengikuti etika profesi. Penggunaan perkataan-perkataan tersebut turut digunakan oleh akhbar-akhbar tempatan lain, contohnya akhbar *The Star* yang bertarikh 3 Mei 2010 dengan cara yang lebih menghina, termasuklah dengan mengaitkan mereka dengan kesesatan dan ketirisan nilai-nilai moral."

Merujuk kepada suatu kes yang lain, pada April 2011, seramai 66 pelajar lelaki yang disyaki “lembut” telah pun dihantar ke sebuah kem di Besut untuk “dipulihkan.” Salah satu akhbar ternama, *The New Straits Times*, diperhatikan telah menggunakan perkataan “*sissies*” ataupun “*pondan*” sebagai menggambarkan permasalahan gender pelajar-pelajar yang tersebut.

Meskipun falsafah etika profesion komunikasi dan media menjelaskan tentang kepentingan pengamal media dalam memaparkan kejadian yang benar, berobjektif tanpa memihak dan dengan berniat baik namun ada beberapa perkara yang harus diberikan pertimbangan. Misalnya, dari segi penggunaan dan pemilihan perkataan atau tajuk yang berpotensi menyenggung sensitiviti mana-mana pihak. Terdapat batas-batas yang harus diberikan perhatian yang mana pengamal media perlu lebih kritis dalam meneliti perkataan-perkataan juga bahasa yang tidak menganggu sensitiviti masyarakat serta berbaur spekulatif yang tidak benar.

Deskriptif media yang bersifat berat sebelah dan tidak adil seperti situasi di atas memperlihatkan etika pengamal media yang tidak profesional serta berupaya mewujudkan suasana yang tidak harmoni dalam kalangan masyarakat. Cara mendeskriptif sesetengah pihak oleh pengamal media tanpa mengikuti etika profesion dalam media cetak mahupun media elektronik seperti yang dinyatakan pada bahagian atas memang menyenggung perasaan mereka dan mewujudkan suasana ketidakadilan tehadap pelbagai pihak.

Sikap pengamal media yang tidak mematuhi etika profesion menunjukkan ketidakprofesionalisme mereka dalam organisasi media (Corey, 2010). Situasi tersebut sudah pasti tidak dapat membina kesepakatan masyarakat sepertimana yang disarankan dalam Wawasan 2020 dan Dasar Modal Insan ke arah menuju negara yang harmoni dan maju. Jadi tidak hairanlah jika mengatakan bahawa pengajian tinggi yang bertanggungjawab membentuk tingkah laku etika bakal pengamal media menurut ciri-ciri kurikulum kursus etika dalam program komunikasi dan media tidak mencapai objektif secara menyeluruh.

1.2.6 Undang-undang komunikasi dan media

Kod-kod etika yang digubal oleh persatuan-persatuan profesional, undang-undang berkaitan komunikasi dan media bertujuan untuk mengawal amalan setiap ahli mereka. Kod-kod etika serta undang-undang berkaitan komunikasi dan media ini dikenali sebagai etika profesion yang bertanggungjawab menjaga martabat profesion komunikasi dan media (Kinchin 2007). Seterusnya, teori kepertanggungjawaban sosial Min-dong Paul Lee (2008) tentang bidang keusahawanan pula menyatakan bahawa kod-kod-etika dan undang-undang berkaitan profesion membantu ahli profesional untuk memberi perkhidmatan serta mementingkan kualiti daripada keuntungan bagi mengekalkan martabat profesional ataupun piawai moral yang tinggi seperti yang dinyatakan oleh Laninska & Garcia-Lamor.

Selain itu, undang-undang dan kod-kod etika juga berfungsi sebagai kawalan terhadap perbezaan norma-norma kehidupan. Pengamal media perlu peka terhadap undang-undang dalam profesion komunikasi dan media ini dalam profesion mereka. Undang-undang tersebut meliputi, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Hakcipta 1987. Tujuan utama undang-undang ini dikuatkuasakan adalah untuk mengawal media daripada melaporkan berita yang berunsur hasutan, fitnah dan plagiarisme yang mana ia mampu menggugat ketenteraman, keselamatan dan juga hak peribadi seseorang. Namun, secara dasarnya undang-undang tidak mengehadkan aktiviti dalam profesion komunikasi dan media ini kerana ia hanya dijadikan panduan untuk berkarya. Undang-undang di Malaysia tidak bertujuan menyekat kebebasan media untuk berkarya, tetapi mempunyai peranan penting dalam menjamin keharmonian dan perpaduan negara.

1.2.7 Kursus etika

Kursus-kursus di pengajian tinggi dalam sesuatu program pengajian direka bentuk dengan ciri-ciri kurikulum bertujuan untuk melahirkan modal insan yang mahir mengenai perkara teknikal di dalam bidang pengajian masing-masing (Lowry; 2003, Tyler; 1949). Menurut Ann; (2009), Ferannce; (2000), Abdul Afiz; (1992), Charles; (2011), Zaridah; (2013), Tyler; (1949), kurikulum dicirikan sebagai yang berikut,

a) Objektif

Objektif merujuk kepada Matlamat yang hendak dicapai oleh tenaga pengajar terhadap pelajarnya dan ia diteliti dengan merujuk aspek-aspek seperti berikut:

Jadual 1.1: Aspek-aspek objektif kursus etika

| Aspek-Aspek Objektif | Penjelasan |
|----------------------|--|
| Kesempurnaan | Semua objektif merangkumi hasil penting kursus etika iaitu adil, saksama, memilih/ melakukan sesuatu untuk kebaikan orang lain bukan untuk kepentingan diri sendiri, bertindak tanpa paksaan dan pilihan diri sendiri. |
| Keharmonian | Prinsip-prinsip pembelajaran |
| Kesesuaian | Objektif berharmoni dengan prinsip-prinsip pembelajaran. |
| Jelas | Jelas dari segi maksud dengan menggunakan laras bahasa yang betul. |
| Prestasi | Tahap pencapaian murid yang boleh diukur setelah mengikuti satu-satu sesi pengajaran. |

b) Kandungan

Kandungan merujuk kepada rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti aspek-aspek yang berikut:

Jadual 1.2: Aspek-aspek kandungan kursus etika

| Aspek-Aspek Kandungan | Penjelasan |
|---|--|
| Reka bentuk berdasarkan objektif | Perlu membentuk perubahan yang diharapkan dalam pemikiran, tindakan ataupun perasaan pelajar seperti dinyatakan dalam objektif sebagai akibat daripada kandungan pembelajaran. |
| Topik dan konsep untuk setiap pelajaran disenaraikan | Pengagihan sub-topik mengikut konsep pelajaran. |
| Tingkah laku bersama dengan objektif perkembangan yang dinyatakan dalam setiap topik | Menyenaraikan perubahan yang patut dibentuk oleh tenaga pengajar terhadap diri pelajar dari segi pertimbangan, emosi, dan perlakuan. |
| Etika profesi | Melindungi kod-kod etika dan undang-undang berkaitan profesi komunikasi dan media. |
| Susunan kandungan | Mengikut unit-unit pembelajaran dari aras mudah sehingga ke aras yang lebih kompleks. |

c) Pendekatan

Jadual 1.3: Aspek-aspek pendekatan kursus etika

| Aspek-Aspek Pendekatan | Penjelasan |
|-------------------------------|--|
| Pendekatan pengajaran | Sebagai contoh, jenis pengajaran secara induktif. |
| Strategi pengajaran | Strategi pengajaran seperti berpusatkan pelajar, medium dan sebagainya. |
| Teknik pengajaran | Melalui penceritaan, perbincangan, dan sebagainya. |
| Buku rujukan | Senarai rujukan tambahan seperti buku-buku, majalah, akhbar dan lain-lain. |
| Alat bantu mengajar | Penggunaan komputer, media, Power Point dan lain-lain. |

d) Pentaksiran

Jadual 1.4: Aspek-aspek penilaian kursus etika

| Aspek-Aspek Penilaian | Penjelasan |
|-------------------------------------|--|
| Penilaian jangka pertengahan | Pentaksiran fasa awal. |
| Penilaian secara berterusan | Pentaksiran berterusan setelah sesuatu sesi pengajaran diselesaikan. |
| Penilaian akhir | Pentaksiran fasa akhir dalam sesuatu semester |

1.2.8 Ciri-ciri profesional berpendidikan etika

Golongan profesional berpendidikan etika perlu mempunyai ciri-ciri seperti yang digariskan dalam tiga dimensi moral yang turut menjadi amalan kepada seluruh ahli profesional negara. Ciri-ciri berkenaan digariskan bertujuan mewujudkan keselarasan etika profesi serta sikap profesional dengan mengutamakan peningkatan hasil dan mutu kerja termasuklah pengamal media. Ciri pertama profesional berpendidikan etika ialah penaakulan moral iaitu keupayaan membuat pertimbangan moral atau berfikiran secara rasional serta berautonomi (bebas). Menerusi pertimbangan moral ini, profesional dapat memamahи sesuatu isu disamping mengenalpasti alternatif-alternatif terhadap kesan daripada isu-isu yang berlaku.

Selain itu, ciri penaakulan moral ini juga dapat memberi pertimbangan adil dan objektif terhadap setiap pilihan alternatif. Tambahan, ia juga memberikan konsep nilai moral sejagat, tepat, tajam, kreatif, inovatif, kritis dalam diri seseorang professional. Oleh itu, penaakulan moral seseorang profesional tentang etika profesionnya, dapat membantu mereka berfikir mengenai sesuatu dilema moral dari sudut pemikiran moral serta dapat membuat pertimbangan berdasarkan etika profesion yang dipelajari melalui kursus etika di pengajian tinggi apabila menjelak ke alam pekerjaan nanti. (Fatimah Ali, 2012).

Ciri yang kedua bagi bakal profesional berpendidikan etika ialah emosi moral. Secara umumnya perasaan moral merupakan kehalusan emosi individu yang mengandungi sentimen, empati, simpati, prihatin, belas kesihan, bermotivasi, murah hati dan seumpamanya. Emosi moral ini amat penting bagi seseorang profesional dalam mengawal tingkah laku serta menghalang mereka daripada bertindak di luar lingkaran nilai moral. Oleh yang demikian, etika perasaan bermoral yang diwujudkan melalui kursus etika di pengajian tinggi berperanan memelihara tingkah laku etika dalam kalangan profesional (Fatimah Ali, 2012).

Ciri yang seterusnya ialah tindakan moral. Tindakan moral merupakan tingkah laku dan perlakuan profesional terhadap semua keputusan yang ditunjukkan dengan penuh tanggungjawab. Tindakan moral ini adalah hasil daripada pemikiran moral dan perasaan moral yang mendorong profesional bertindak secara beretika (Mohd Johid Salleh, 2013). Sekiranya kursus etika di pengajian tinggi di dalam program komunikasi dan media dapat membentuk ciri-ciri bakal profesional berpendidikan etika seperti dinyatakan dalam tiga dimensi moral maka ianya dapat mengurangkan masalah etika dalam profesi tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah tingkah laku atau etika merupakan masalah umum yang seringkali berlaku dalam apa jua profesi dan bidang kerja termasuklah dalam kalangan pengamal media di Malaysia. Permasalahan timbul berikutan banyak faktor luaran dan dalaman. Dalam konteks masalah tingkah laku dan etika pengamal media, kesan-kesan yang daripada keadaan tersebut memungkinkan wujudnya masalah-masalah lain seperti eksplorasi wanita, gender, stereotaip wanita dalam profesi komunikasi dan media (National Union Journalism Malaysia; 2015, Advertising Standards Advisory; 2014). Masalah etika yang dinyatakan dalam profesi komunikasi dan media membimbangkan di Malaysia terutama dalam mempertimbangkan Dasar Modal Insan dan Wawasan 2020 iaitu, profesional beretika menjadi teras utama bagi pembangunan negara. Kemajuan kebendaan tanpa mengikuti etika profesi tidak akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan sebaliknya membawa keburukan (Derek Bok, 2011).

Bagi mendukung tingkah laku etika bakal pengamal media, *National Union Journalism Malaysia* telah memperkenalkan etika profesi iaitu kod-kod etika dan undang-undang berkaitan komunikasi dan media sejak 1962 di Malaysia. Etika profesi tersebut mula diajar sebagai usaha untuk membentuk tingkah laku etika bakal pengamal media di pengajian tinggi sejak 1970. Namun demikian, kes tingkah laku tidak beretika dalam kalangan pengamal media masih berlaku.

Kepesatan perkembangan dunia media tidak berlaku seiring dengan peningkatan tingkah laku pengamal media terutamanya dari segi etika profesi komunikasi dan media (Ibrahim Mohd Kamarudin, 2000). Justeru, suasana amalan pengamal media hari ini sentiasa menjadi persoalan dan mendapat kritikan serta komen-komen berbaur negatif oleh ramai pihak (Suriyahani, 2012). Maka dalam hal ini, sumbangan ciri-ciri kurikulum kursus etika di pengajian tinggi kepada pembentukan tingkah laku etika wajar dikaji semula untuk mengurangkan permasalahan tersebut disamping membentuk tingkah laku etika bakal pengamal media seperti diingini (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia; 2013-2025)

Berdasarkan model berkaitan kurikulum iaitu Model Tyler (1949), terdapat empat ciri-ciri kurikulum kursus etika seperti objektif, kandungan, pendekatan dan pentaksiran yang menyumbang tinggi kepada pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media. Selain itu, model berkaitan perkembangan etika iaitu Model Rest, dan teori berkaitan tingkah laku etika profesional seperti teori pertanggungjawaban sosial (CSR), turut

menyatakan keperluan sumbangan kursus etika terhadap pembentukan etika bakal pengamal media melalui program komunikasi dan media di pengajian tinggi. Persoalannya adalah, adakah kandungan dan praktik teori ini diaplikasikan selaras dengan konteks kursus etika yang ditawarkan dalam program komunikasi dan media?

Kajian lain mengenai sumbangan kurikulum kursus etika turut dilakukan oleh Thomas & Ryan (2011) yang mengkaji bahawa etika profesion pengamal media dan pengaplikasiannya berada pada tahap sederhana ($\text{min}=2.7$). Hal ini diikuti oleh kajian Tanner (2014) yang menyatakan sumbangan kursus etika berada di tahap sederhana ($\text{Min}=2.8$). Meneliti keadaan ini, didapati bahawa berlakunya percanggahan hasil kajian mengenai sumbangan kursus etika antara Model Tyler dan Teori CSR kerana hasil kajian pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media daripada ciri-ciri kurikulum kursus etika seharusnya menunjukkan purata min yang tinggi.

Berdasarkan Modal Tyler, sumbangan kurikulum kursus etika dalam pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media dapat ditentukan secara menyeluruh dengan melakukan kajian secara komprehensif terhadap objektif, kandungan, pendekatan, dan pentaksiran kursus etika. Empat ciri-ciri kurikulum tersebut membantu untuk menjelaskan sumbangan kurikulum etika dalam pembentukan tingkah laku etika terhadap aspek moral dengan lebih tepat. Namun, kajian tentang sumbangan ciri-ciri kurikulum kursus etika kepada pembentukan tingkah laku etika bakal pengamal media oleh Thomas & Ryan (2011) dan Tanner (2014) hanya mengkaji satu sahaja ciri kurikulum iaitu dari segi pendekatan yang mana ciri yang lain seperti objektif, kandungan, dan pentaksiran tidak dikaji.

